

# UDA belum diarah putuskan status BB Plaza

**U**DA Holdings Bhd menjelaskan bahawa ia masih belum menerima sebarang arahan atau kata putus daripada Kementerian Kewangan berhubung status bangunan Bukit Bintang Plaza (BB Plaza).

Syarikat itu berkata, kementerian itu masih belum memutuskan secara rasminya sama ada bangunan itu akan dikekalkan, diroboh dan diambil alih oleh mana-mana pihak.

“Kami ingin menegaskan bahawa isu ini membabitkan kepentingan bersama termasuk UDA Holdings selain kira-kira 400 kakitangan syarikat yang bekerja di BB Plaza dan penyewa serta pihak berkepentingan dan pemegang saham.

“Namun untuk makluman, pihak UDA sendiri secara rasmi belum menerima sebarang arahan atau kata putus daripada Kementerian Kewangan,” katanya.

UDA Holdings bagaimanapun

berkata, pihaknya sudah mengeluarkan notis penamatan kontrak sewaan kepada tiga penyewa di BB Plaza, iaitu Starbucks Coffee, Gloria Jean dan Hot & Roll awal Jun ini.

Ia, katanya berdasarkan arahan yang diberikan MRT Corp kepada syarikat itu bagi tujuan pembinaan jalan lencongan di Jalan Bukit Bintang.

Katanya, baki penyewa lain di BB Plaza, mereka boleh meneruskan

operasi seperti biasa sehingga dimaklumkan kelak dan pihaknya akan cuba memastikan nasib penyewa sentiasa terpelihara.

“UDA Holdings akan sentiasa mengemaskini maklumat dan berjanji akan memaklumkan kepada penyewa daripada masa ke semasa sebarang perkembangan terbaru berhubung keputusan yang akan diambil membabitkan masa depan BB Plaza,” katanya.

Sementara itu, UDA Holdings berkata, ia semalam telah menerima memorandum yang ditandatangani 48 penyewa BB Plaza berhubung isu pembinaan stesen MY Rapid Transit (MRT) di kompleks perniagaan yang sudah beroperasi selama 33 tahun itu.

Memorandum itu diserahkan wakil penyewa BB Plaza, Hassan Saad kepada Ketua Pegawai Operasi UDA Mall Sdn Bhd, Salamah Ismail.

## FAKTA NOMBOR

# 400

## pekerja

UDA Holdings di Bukit Bintang Plaza